

HUJAN lebat mengakibatkan beberapa kawasan di Gerik mengalami banjir kilat.



‘Bencana’ hujan empat jam

Ipoh: Hujan lebat lebih empat jam bermula jam 1 pagi semalam mengakibatkan beberapa kawasan di Perak mengalami banjir kilat antaranya di Gerik, Bagan Datoh, Batu Gajah dan Kuala Kangsar.

Satu pusat pemindahan terpaksa dibuka di Dewan Orang Ramai Gerik yang menempatkan tujuh keluarga sebelum ditutup jam 1.40 tengah hari semalam manakala tiada pusat pemindahan di buka di lokasi lain.

Jurucakap Sekretariat Bencana Negeri berkata, di Gerik, sembilan kawasan iaitu Kampung Kerunai, Kampung Padang, Kampung Ramasamy, Kampung Bendang Kerajaan, Pekan Gerik, Taman Permai, Taman Desa Kasih, Taman Air Suda 1 dan Taman Air Suda 2 dinaiki air setinggi 1.2 meter.

Menurutnya, dua mukim di Bagan Datoh iaitu Mukim Rungkup dan Mukim Bagan Datoh membabitkan 10 kampung turut terjejas selepas dinaiki air setinggi 0.3 meter.



“**Sembilan kawasan di Gerik dinaiki air setinggi 1.2 meter**”

Jurucakap Sekretariat Bencana

Katanya, di Batu Gajah pula, kesesakan jalan raya berlaku selepas air melimpah ke jalan utama di Tanjung Tualang

membabitkan Kampung Batu 3 namun keadaan tidak membimbangkan menyebabkan tiada keperluan pusat pemindahan dibuka.

“Tujuh rumah di Kuala Kangsar membabitkan Kampung Kati dan Kampung Bendang Ujib dinaiki air, manakala paras air sungai berada pada tahap normal,” katanya.



ANGGOTA bomba yang terbabit dalam misi banjir di Gerik.